

Nasional

 Cetak .  Emel Rakan .  SHARE 

MDTF'10 tawar pakej menarik pelancongan domestik

2010/05/04

KUALA LUMPUR: Pameran Pelancongan Domestik Malaysia 2010 (MDTF'10) anjuran Majlis Pelancongan Kebangsaan Malaysia (NTCM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 14 hingga 16 Mei ini dijangka mampu menarik minat lebih 20,000 pengunjung.

Pameran yang bertemakan 'Fikir Tempatan, Rancang Tempatan dan Ke Arah Tempatan' itu dianjurkan kali kedua bertujuan menyuntik minat rakyat Malaysia meneroka pelbagai aktiviti pelancongan domestik negara.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur MDTF merangkap Timbalan Presiden NTCM, Datuk Shamsul Falak Abd Kadir (atas), berkata program itu medan terbaik untuk dikunjungi kerana lebih 200 gerai menawarkan pakej percutian menarik, murah dan lengkap untuk dilawati.

"Pengunjung boleh melancong ke tempat menarik di Malaysia pada harga murah dan berpatutan dengan tawaran pakej pelancongan lengkap meliputi pengangkutan, penginapan, makanan, spa dan sebagainya," katanya pada sidang media MDTF'10, di sini, semalam.

Shamsul berkata, pameran itu juga buat julung kalinya memperkenalkan pakej percutian bajet digemari muda-mudi yang murah dan mencabar, malah turut mempromosikan homestay yang membolehkan pengunjung mendekati kehidupan masyarakat setempat selain aktiviti kebudayaan mereka.

Katanya, pelbagai aktiviti menarik bakal disajikan sepanjang tiga hari itu seperti cabutan bertuah yang menawarkan hadiah percutian lebih RM100,000, tiket penerbangan, penginapan di hotel terkemuka di seluruh negara dan spa.

Untuk pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Sekretariat MDTF di talian 03-92832268.

"Hadiah cabutan bertuah disediakan untuk lima pemenang utama, yang memerlukan mereka membelanjakan sekurang-kurangnya RM100, melayakkan mereka memenangi hadiah utama iaitu penginapan 4 hari 3 malam di Shangri-La's Rasa Sayang Resort and Spa bernilai RM10,000 selain empat hadiah penginapan lain masing-masing bernilai lebih RM4,000," katanya.

